

Sokong GST jika mahu gaji lebih baik
Malaysiakini.com
April 4, 2010

Gaji penjawat awam boleh dinaikkan dengan syarat 1.2 juta penjawat awam meningkatkan produktiviti dan menyokong inisiatif kerajaan untuk Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata selagi produktiviti meningkat, gaji mereka akan diselaraskan seiring dengan ekonomi yang lebih kukuh.

"Gaji mereka akan diselaraskan mengikut perkembangan. Apa yang penting ialah dengan pengukuhan ekonomi, perolehan kerajaan juga meningkat," kata beliau dalam program "Setahun di Aras 5: Temubual Khas Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan Bernama TV.

Najib, yang juga menteri kewangan, turut menegaskan mengenai kepentingan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebagai satu daripada cara meningkatkan hasil kerajaan.

"Itulah sebabnya GST amat penting. Rakyat mahukan gaji yang lebih tinggi tetapi tidak mahu menyokong GST. Saya memerlukan sokongan 1.2 juta penjawat awam. Sekiranya anda mahu dibayar gaji yang lebih baik di masa depan, saya perlu mengukuhkan asas perolehan kerajaan kerana kalau tidak, dari mana saya akan dapat wang untuk membayar penjawat awam?," katanya.

Beliau berkata dengan mendapat sokongan daripada semua penjawat awam, akan membolehkan kerajaan melakukan yang lebih baik untuk semua rakyat.

Najib bagaimanapun menolak tanggapan bahawa kerajaan tunduk kepada tekanan politik berikutan perubahan fikiran dilihat dalam pelaksanaan GST dan peraturan dua harga petrol, dengan menyatakan lebih banyak masa diperlukan untuk sokongan dan kepercayaan rakyat bagi inisiatif itu.

Beliau berkata pembangkang telah memutar belitkan fakta berhubung cadangan GST yang menyebabkan kerajaan memerlukan masa untuk menjelaskan kepada rakyat kerana ia adalah sesuatu yang baik untuk rakyat bagi jangka masa panjang.

Jadi kita bukan mengambil keputusan untuk menghentikannya tetapi untuk menangguhkannya sehingga projek itu mendapat lebih penerimaan umum.," katanya.

Mengenai penstrukturan semula subsidi dua harga petrol, beliau berkata ia merupakan sistem yang amat kompleks dan tidak berbaloi, tetapi "kita akan tetap mengurangkan subsidi. Cuma akan dilakukan secara berperingkat-peringkat kerana kerajaan tidak mahu membebankan rakyat."

"Jadi, ia akan dilaksanakan dengan teratur dan berhati-hati," kata Najib.

Kepada soalan yang ia mungkin dilaksanakan selepas pilihanraya umum, Najib yang ketawa mendengarnya berkata: "Tentunya akan ada yang sinis

dan skeptikal tetapi ia harus dihadapi sebagai cabaran dan kita perlu membuktikan yang mereka salah."

Model ekonomi baru

Mengenai bagaimana beliau merancang untuk menyelaraskan objektif Model Ekonomi Baru (MEB) bagi mencapai ekonomi nilai tinggi dan memastikan kos rendah, Najib berkata dengan MEB, ia boleh mewujudkan Malaysia sebagai ekonomi yang inovatif, dipacu oleh kebijaksanaan dan bakat yang baik.

Mengenai saranan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) supaya Bumiputera memiliki 67 peratus daripada kekayaan ekonomi negara,

perdana menteri berkata kedudukan bumiputera yang masih tidak mencapai taraf yang sepatutnya bermakna kerajaan harus meneruskan tindakan afirmatif tetapi pada masa yang sama memperbetulkan kelemahan yang jelas kelihatan dalam pelaksanaan sebelumnya.

"Jadi apa yang ingin saya katakan ialah, kita tidak sepatutnya terlalu taksud dengan satu pandangan tetapi biarlah kita melihat dengan cara yang akan memberikan perasaan bersatu sebagai satu negara dan satu masyarakat," katanya.

Mengenai keraguan terhadap tender terbuka dan sama ada ia benar-benar telus, Najib berkata melalui inisiatif baru, ia akan telus memandangkan orang ramai akan dapat melihat syarikat mana yang gagal dan yang mana akan mendapat bida itu serta harga bidaan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat ini.

"Jadi, rakyat boleh mengkritik kerajaan jika mereka merasakan proses itu tidak adil," kata Najib, yang genap setahun menjadi perdana menteri pada 3 April.

Pakej rangsangan

Menurut perdana menteri lagi, penekanan terhadap sistem penyampaian sektor awam yang lebih efisien dalam melaksanakan pakej rangsangan

berjumlah RM67 bilion penting bagi membawa dengan segera ekonomi Malaysia keluar daripada kelembapan selepas terjejas dengan kemelesetan ekonomi dunia tahun lepas.

"Ini kerana pakej rangsangan bukan sahaja berjalan lancar tetapi disampaikan ke akar umbi. Beratus dan beribu projek, besar dan kecil telah dilaksanakan," katanya.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 4.5 peratus pada suku terakhir tahun lepas daripada pertumbuhan negatif 6.2 peratus apabila pakej rangsangan berkenaan mula dilancarkan pada Mac 2009.

Sistem penyampaian awam ditingkatkan dengan penubuhan Unit Pengurusan Projek di bawah Kementerian Kewangan bagi memastikan program dan projek dilaksanakan secara efisien bagi memastikan kesan maksimum terhadap ekonomi.

"Ini adalah petunjuk yang jelas dan satu manifestasi kejayaan pentadbiran kerajaan termasuk penjawat awam yang telah bekerja keras untuk mengagihkan pakej rangsangan," kata beliau.

Menjawab soalan mengenai kenapa pasaran bercampur-campur dan kurang memberangsangkan kepada MEB yang diumumkan baru-baru ini, beliau berkata: "Pasaran selalu mengabaikan apa-apa pengumuman yang dibuat, memandangkan mereka mahu

melihat butir-butir secara khusus, penanda aras, tempoh waktu dan peruntukan, insentif.”

Najib berkata peruntukan khusus akan disediakan untuk aktiviti ekonomi utama negara yang akan dipromosikan apabila belanjawan 2011 dibentangkan pada 15 Oktober tahun ini.

Beliau berkata MEB telah diumumkan dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di mana selepas pengumuman pada 31 Mac, ia akan digabungkan Rancangan Malaysia Ke-10 yang akan dilancarkan pada 10 Jun dan butiran lanjut akan diketahui pada Ogos.

Kerjasama dengan pembangkang

Semasa ditanya sama ada kerajaan persekutuan bersedia bekerjasama dengan pembangkang di negeri-negeri yang dikuasai mereka untuk

pembangunan masyarakat, beliau berkata: “Apabila kita mendapat persetujuan bersama, kita tidak ada masalah untuk melaksanakannya untuk masyarakat dan pada asasnya kita mahu berlaku adil.”

Beliau berkata Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan projek di negeri-negeri di mana BN mengalami kekalahan seperti sekolah, klinik dan termasuk klinik 1Malaysia.

Najib berkata kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang memberhentikan pekerja tempatan tanpa gaji pemberhentian kepada mereka atau menggaji pekerja asing dan mengabaikan warga tempatan.

“Majikan di negara ini perlu mencuba sebaik mungkin untuk mengambil pekerja tempatan agar guna tenaga kerja stabil dan kita tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing,” katanya.

Mengenai pengangguran di Malaysia, beliau berkata ia kira-kira 3.6 peratus yang dianggap tiada pengangguran “kerana jika dilihat kita mempunyai 2.2 juta pekerja asing jempunan dan satu juta lagi secara tanpa izin.”

Pelaburan langsung asing

Perdana menteri juga berjanji akan melaksanakan dasar bagi memastikan persekitaran pelaburan Malaysia kekal sesuai dan kompetitif untuk menarik

pelaburan langsung asing (FDI).

Beliau berkata negara akan menjadi lebih responsif kepada keperluan pelabur asing serta pelabur dalam negara terutamanya dengan persaingan sengit di pasaran antarabangsa.

“Kita menyedari persekitaran ekonomi telah berubah. Akan terdapat lebih banyak ekonomi baharu muncul yang menawarkan kos buruh yang lebih menarik dan rendah daripada kita dan ada di antaranya merupakan pasaran yang besar.”

“Dunia sekarang berbeza daripada tahun 80an dan 90an. Malaysia perlu bersaing dengan lebih banyak negara dan mereka akan mendapati China adalah pasaran yang besar dan lebih baik untuk pelaburan. Tetapi saya yakin kita akan dapat menarik bahagian kita dalam FDI tahun ini dan tahun depan,” katanya.

“Kita harus membuat pasaran teruja dengan reformasi kita,” kata beliau.

"Seluruh dunia merana tahun lepas dan keadaan kita yang tidak sebegitu teruk terjejas, pada pendapat saya menunjukkan tahap keyakinan terhadap

Malaysia dan bahawa tahun ini akan menjadi lebih baik," kata Najib.

Beliau berkata adalah sukar untuk mengekalkan aliran masuk pelaburan pada tahun lepas berikutan kelembapan ekonomi dunia dan bukan kerana tidak lagi kompetitif untuk menarik FDI.

Najib mengumumkan MEB pada hari Selasa yang bertujuan menjadikan Malaysia lebih kompetitif di rantau ini dan dunia bagi meningkatkan pendapatan perkapita negara kepada AS\$15,000 menjelang akhir dekad daripada AS\$7,000 sekarang ini.

Mengenai liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan, Najib berkata bilangan pemohon yang diterima daripada bank-bank asing mula menambah kepada aliran masuk pelaburan dalam industri perkhidmatan kewangan.

Perdana menteri berkata kerajaan sedang memproses permohonan daripada dua bank Islam mega dari India dan Timur Tengah dengan modal berbayar sebanyak AS\$1 bilion setiap satu.

"Terdapat perkara menarik yang akan diumumkan tidak lama lagi," katanya.

Pada November 2009, Kementerian Kewangan meluluskan pengeluaran lesen bank komersil kepada Industrial and Commercial Bank of China Ltd (ICBC).

Mengenai industri halal, Najib berkata inisiatif kerajaan berkemungkinan memastikan Malaysia di hadapan negara lain yang mengambil bahagian dalam industri yang semakin berkembang ini seperti Argentina, Australia dan Brazil.

Beliau berkata jenama halal negara, atas inisiatif Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mempunyai integriti dan reputasi yang kukuh.

"Kita sedang mempromosikan hab halal Malaysia tetapi kita perlu mempunyai jalinan dengan negara-negara lain jika kita mahu mengeksport

makanan halal memandangkan pengimport bersih makanan," katanya.

Slogan 1Malaysia

Mengenai 1Malaysia, perdana menteri berkata dakwaan kononnya slogan 1Malaysia datangnya dari negara luar termasuk Israel adalah fitnah pembangkang semata-mata.

Najib berkata beliau berbincang dengan beberapa rakannya setelah menyedarikan amat pentingnya usaha baru ke arah penyatuan rakyat.

"Saya bincang dengan beberapa teman saya sebab saya kata amat penting bagi kita untuk membuat suatu usaha baru ke arah perpaduan nasional ini sebagai penyatuan.

"Jadi saya selalu menjemput pelbagai kumpulan untuk mengadakan percambahan fikiran dan apabila saya mengariskan perkara ini, bila kita lakukan percambahan minda, timbullah idea Gagasan 1Malaysia ini," katanya.

Najib berkata dakwaan pembangkang itu bertujuan merosakkan atau mencemar gagasan itu setelah idea itu semakin hebat diterima rakyat.

"Mereka (pembangkang) tak berani serang Gagasan 1Malaysia. Mereka tidak dapat mempertikaikannya, mereka cuba untuk merosakkan, mencemarnya, mencalarnya melalui kononnya ilham atau idea yang datang dari negara luar.

"Ini satu fitnah yang tidak benar, tidak berasas sama sekali," katanya merujuk kepada dakwaan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata kemuncak kepada penghayatan Gagasan 1Malaysia ialah apabila ia membawa keuntungan strategik kepada rakyat dan negara.

"Kemuncak kepada segala-galanya ialah apabila kita dapat meraikan kepelbagaian itu sebagai satu yang aset kepada negara," katanya.

Menurutnya Gagasan 1Malaysia meletakkan kepentingan rakyat di atas segala kepentingan lain dan mengutamakan keberkesanan serta keberhasilan sesuatu program yang dirancang.

"Outcome itu lebih penting daripada output," katanya.

Najib berkata kefahaman rakyat terhadap Gagasan 1Malaysia semakin meningkat apabila banyak badan korporat menggunakan 1Malaysia sebagai simbol dalam logo mereka.

"Sebutan Salam 1Malaysia umpamanya menjadi kelaziman sekarang dan ada juga perkahwinan 1Malaysia. Jadi saya lihat ia sudah menjadi satu gerakan massa," kata Perdana Menteri.

Mengenai halangan terhadap Gagasan 1Malaysia, Perdana Menteri berkata ia lebih kepada golongan yang masih memikirkan kepentingan kelompok atau kaum masing-masing tanpa usaha ke arah penyatuan.

"Kita sebagai seorang individu mungkin ada juga perasaan prejudis, rasis dan sebagainya seperti ada peristiwa gereja dibakar dan kepala khinzir dicampak dalam pekarangan masjid dan sebagainya.

"Maknanya ada juga kefahaman yang ekstrim dalam masyarakat kita. Sebab ada kefahaman ekstrim itulah, bererti bahawa kita perlu kepada Gagasan 1Malaysia," kata Najib.

Ditanya perasaannya selepas setahun menjadi perdana menteri, Najib berkata masa setahun berlalu terlalu cepat dan beliau merasakan seolah-olah "baru semalam saya mulakan tugas".

Menurutnya ia mungkin kerana beliau sangat sibuk sepanjang masa dan banyak program yang diperkenalkan dalam masa yang singkat.

"Saya bersyukur dalam tempoh setahun ini, kita dapat memperkenalkan banyak inisiatif baru yang memberi hasil memuaskan dan mungkin sedikit sebanyak rakyat bertambah yakin kepada kerajaan," katanya.

Perlindungan insurans motor

Sementara itu, perdana menteri berkata, Bank Negara Malaysia perlu mengambil kira masalah rakyat apabila mencadangkan perlindungan insurans motor asas yang baru bagi kecederaan anggota dan kematian pihak ketiga, sama seperti membuat dasar yang lain.

Katanya, bank pusat perlu mengadakan rundingan dengan persatuan-persatuan, kumpulan pengguna dan orang ramai bagi menyelesaikan segala isu sebelum melaksanakan dasar baru yang dikenali sebagai skim bagi kecederaan anggota dan kematian pihak ketiga (TPBID).

Baru-baru ini dilaporkan bahawa terdapat rancangan mengehendkan tuntutan insurans motor pihak ketiga kepada RM100,000, termasuk untuk penghospitalan, pemulihan, kesakitan, kesengsaraan, kerugian pendapatan dan pendapatan masa depan.

Sumber industri menyebut ia akan melibatkan jutaan orang biasa yang terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya.

Bagaimanapun, Bank Negara berkata skim ini masih di peringkat cadangan dan ia akan mendapat maklum balas daripada pihak berkepentingan bulan depan sebelum mengemukakannya kepada kerajaan.

"Saya akan memaklumkan kepada Bank Negara yang mereka perlu berunding dengan persatuan dan kumpulan pengguna," katanya.

"Sekiranya terdapat perubahan, kerajaan akan berunding dengan semua mereka yang berkepentingan dan bukan hanya syarikat insurans tetapi juga kumpulan pengguna," katanya.

Najib berkata, industri insurans motor perlu melalui perubahan memandangkan ia merupakan perniagaan yang merugikan dari segi kutipan premium dan pembayaran.

"Ia adalah defisit yang serius. Apa yang terjadi ialah peserta menggunakan keuntungan daripada produk insurans lain terutamanya insurans hayat untuk mensubsidi insurans motor," katanya.

Semasa membentangkan Bajet 2010, kerajaan mengumumkan keperluan menyediakan perlindungan insurans motor asas untuk TPBID, pada premium yang munasabah yang setara dengan paras perlindungan yang disediakan.

Sumber memberitahu Bernama bahawa beberapa cadangan perubahan di dalam TPBID adalah drastik. Jika seorang bapa berusia 56 dan bersara dan meninggal dunia dalam kemalangan, anak-anaknya tidak boleh membuat tuntutan kehilangan sara hidup memandangkan Akta berkenaan hanya bagi ganti rugi mereka yang bekerja sehingga umur 55 tahun.

Begitu juga dalam hal jika seorang anak yang bakal menamatkan pengajian dari universiti meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya sebelum bekerja, keluar tidak akan mendapat apa-apa, katanya.

Beliau menyatakan rasa kecewa kerana TPBID dilihat diadakan secara tergesa-gesa tanpa rundingan dan ini tidak memberi keyakinan terutama apabila syarikat berasingan baru akan menguruskan skim yang dicadangkan.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/128303>